

MAHATHIR-LEAD 金'金'金'

1979

KOTA KINABALU, 5 JUN (BERNAMA) — MALAYSIA BERHARAP DAPAT MENJUAL LEBIH BANYAK BIJIH TIMAHNYA, GETAH DAN MINYAK SAWIT KE KOREA UTARA SELEPAS KUNJUNGAN YANG DIBUAT SEKARANG OLEH SATU ROMBONGAN PERDAGANGANNYA KE NEGARA ITU.

DEMIKIAN DINYATAKAN OLEH TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD SEMASA SINGGAH SEBENTAR DI SINI DALAM PERJALANAN MENGETUAI ROMBONGAN SERAMAI 22 ORANG UNTUK MELAWAT PYONGYANG.

DALAM MASA LIMA HARI BERADA DI NEGARA ITU, ROMBONGAN TERSEBUT JUGA BERHARAP DAPAT MENINJAU KEMUNGKINAN MEMBELI BARANG-BARANG PENGILANGANYA TERUTAMA BESIWAJA BINAAN DAN BESI MENTAH BAGI MEMBUAT BATANG BESIWAJA, KATANYA.

MENURUT DATUK SERI DR. MAHATHIR, BARANG-BARANG UTAMA DALAM SENARAI PEMBELIAN ROMBONGAN ITU JALAH JENTERA-JENTERA PERTANIAN.

+BAGAIMANAPUN SEBELUM KAMI MEMBUAT KEPUTUSAN MEMBELINYA KAMI PERLU MELIHATNYA SENDIRI SAMADA IA SESUAI ATAU TIDAK BAGI KEGUNAAN DI NEGARA INI, + KATANYA.

MENGENAI KENAIKAN HARGA BUAH IMPORT DALAM PASARAN TEMPATAN KEBELAKANGAN INI, DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN BERKATA KEMENTERIANNYA AKAN MENENTUKAN SAMADA KENAIKAN ITU AKIBAT DARI KENAIKAN HARGA IMPORT ATAU KERANA PERBUATAN MENCARI UNTUNG LEBIHAN. — BERSAMBUNG 1807/YF

SE

B650

MAHATHIR-LEAD 2 KOTA KINABALU

IA BOLEH JUGA AKIBAT KEADAAN MUSIM YANG MENJEJASKAN BEKALAN BUAH-BUAHAN, TAMBAHNYA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI LALU MENINGATKAN PARA PENGGUNA JANGAN MEMBELI BUAHAN IMPORT JIKA HARGANYA TERLALU TINGGI.

+KITA TIDAK AKAN MATI JIKA TIDAK MEMAKAN BUAHAN IMPORT, + KATANYA.

MENGENAI MAS, BELIAU BERKATA SYARIKAT PENERBANGAN KEBANGSAAN ITU AKAN MELUASKAN PERKHIDMATANNYA KE SELURUH DUNIA.

MENURUTNYA, RUNDINGAN ANTARA PEGAWAI-PEGAWAI MAS DENGAN KERAJAAN KOREA SELATAN MASIH BERJALAN UNTUK MENCARI PENYELESAIAN KEPADA SOAL HAK MENDARAT BAGI MAS DAN PERSINGGAHANNYA DI NEGARA ITU.

KATANYA, SOAL HAK MENDARAT BAGI PENUMPANG SYARIKAT PENERBANGAN ITU ADALAH SUATU PERKARA MELIBATKAN KEPENTINGAN SERANTAU DAN NEGARA-NEGARA BERKENAAN HENDAKLAH MEMBERI KELULUSAN MENGENAINYA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA SABAH DAN SARAWAK TELAH PUN DIBERITAHU MENGENAI RANCANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN UNTUK MEROMBAK HARGA MINYAK BARU-BARU INI.

BAGAIMANAPUN ATAS BEBERAPA SEBAB KEDUA-DUA KERAJAAN ITU TELAH MEMUTUSKAN BELUM LAGI MAHU MENAIKKAN HARGA MINYAK DI NEGERI MASING-MASING. — BERNAMA 1810/YF

85